

20/10/2003

Kembali tujuan asal: PM (HL)

Hishamuddin Aun; Khaidir Abdul Majid; Zainab Mohd Yatim

BANGKOK: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) perlu kembali kepada tujuan asal penubuhannya dan tidak memperluaskan skop dengan memasukkan isu lain, seperti keselamatan.

Perdana Menteri yang tiba di ibu negara Thailand ini semalam untuk menghadiri mesyuarat tahunan pemimpin Apec bermula hari ini hingga esok, juga berkata Apec bukan saja perlu menggalakkan perdagangan bebas, malah secara adil agar semua anggota mendapat layanan saksama.

Beliau berkata, Apec yang ditubuhkan sebagai kerjasama ekonomi, kini mula menyimpang daripada soal ekonomi dan membincangkan isu keselamatan, ketenteraan dan politik.

"Kita akui soal keselamatan penting, tetapi ada forum lain yang lebih sesuai untuk membincangkannya," katanya kepada wartawan Malaysia di penginapan rasminya di Hotel Peninsula, di sini.

Dr Mahathir ditanya pandangannya mengenai usaha negara tertentu untuk membawa isu keselamatan, termasuk langkah mengharamkan senjata, dalam perbincangan di Apec.

Perdana Menteri berkata, isu keselamatan perlu dibincangkan di forum yang lebih besar kerana ia membabitkan seluruh dunia.

"Isu keselamatan memberi kesan bukan saja kepada anggota Apec, tetapi seluruh dunia.

"Berikutan itu ia perlu dibawa ke forum yang disertai semua negara agar peluang diberi kepada mereka untuk terbabit dalam perbincangan bagi mencari cara dan langkah bagi menjamin keselamatan," katanya.

Mengenai harapannya terhadap mesyuarat pemimpin Apec yang diadirinya buat kali terakhir berikutan persaraannya sebagai Perdana Menteri akhir bulan ini, beliau berharap dapat menjelaskan pendirian Malaysia.

"Ada yang memberi penekanan kepada perdagangan bebas, dunia tanpa sempadan dan tiada halangan kepada perdagangan. Kita mahu melihat bukan saja perdagangan itu bebas, tetapi juga adil," katanya.

Apec yang ditubuhkan pada 1989, dianggotai Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Filipina, Papua New Guinea, Russia, Peru, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam.

Setiba di sini, Dr Mahathir menghadiri jamuan tengah hari dengan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra bersama pemimpin negara Asean lain yang menjadi anggota Apec.

Beliau turut mengadakan perbincangan dengan wakil Perikatan Perniagaan Amerika Syarikat-Apec yang turut dihadiri tokoh perniagaan negara kuasa besar itu.

Dalam kedua-dua perjumpaan itu, Dr Mahathir juga menjelaskan mengenai kandungan ucapannya pada perasmian Sidang Kemuncak Ke-10 Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya yang berakhir kelmarin.

"Saya berkesempatan menjelaskan kepada mereka kandungan ucapan saya yang perlu difahami keseluruhannya dan bukan hanya bahagian tertentu di luar konteks. Rata-rata mereka memahaminya," katanya.

Dengan penjelasan itu, kata Dr Mahathir, ucapannya kini difahami sebagai bukan berbau anti-Semitik seperti yang digambarkan sesetengah media Barat.

Perdana Menteri berkata, kehadirannya pada sidang kemuncak Apec memberikannya kesempatan untuk menjelaskan maksud sebenar daripada kandungan ucapannya itu yang menimbulkan rasa tidak senang sesetengah

pihak.

"Saya menjelaskan OIC bukan bertujuan menghentam orang lain, (sebaliknya) bagaimana negara Islam dapat memperbaiki keadaan negara masing-masing.

"Adalah tidak benar sama sekali (tuduhan) saya seorang anti-Semitik," katanya yang tiba di sini bersama isteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Terdahulu, Amerika, Australia, Jerman, Itali dan Kesatuan Eropah (EU) mengecam Dr Mahathir berdasarkan laporan media asing memutarbelitkan ucapan Perdana Menteri sebagai pandangan berbahaya yang kononnya dapat mencetuskan keganasan dan kebencian perkauman.

Bagaimanapun, Menteri Luar Australia, Alexander Downer, antara pengkritik Dr Mahathir yang paling lantang, dipetik di sini kelmarin sebagai menyatakan rasa kagum dengan kejayaan Perdana Menteri membangunkan ekonomi Malaysia.